

**PENDEKATAN INTEGRATIF SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS:  
PELAKSANAAN KE ATAS SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA**

Nor Asiah Ibrahim Shah, Mohd Othman Yusoff, Hafizah Kusnek@Khusni

Kolej Matrikulasi Kedah

[asiah@kmk.matrik.edu.my](mailto:asiah@kmk.matrik.edu.my)

**ABSTRAK**

*Kajian ini menganalisis dan membicarakan pendekatan integratif Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam Islamisasi ilmu pendidikan serta pelaksanaannya dalam sistem pendidikan negara di pelbagai peringkat bermula dari pendidikan sekolah rendah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Kajian ini berbentuk kualitatif dan pendekatan yang digunakan ialah pendekatan biografi (biographical approach), di mana fokus kajian berdasarkan pemikiran tokoh. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data kajian ialah kaedah dokumentasi dan persejarahan (historis). Dalam proses analisis data pula, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu kaedah analisis isi (kandungan) dan kaedah komparatif (perbandingan). Perbincangan ini juga turut menganalisis sama ada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mempunyai unsur-unsur pendekatan integratif sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Attas. Perbincangan diakhiri dengan cabaran dan halangan pelaksanaan pendekatan integratif dalam sistem pendidikan di Malaysia yang sekiranya tidak difahami serta diawasi dengan diteliti akan membawa kesamaran dan kebejatan moral terhadap pembentukan manusia baik atau insan kamil. Perbincangan yang telah dikemukakan, berjaya meletakkan al-Attas sebagai ilmuwan Muslim yang berjaya dalam mempelopori pendekatan integratif dalam menentukan hala tuju pendidikan negara yang berasaskan prinsip-prinsip ajaran Islam.*

**Kata Kunci:** Pendekatan integratif, Syed Muhammad Naquib, Sistem Pendidikan Negara

## **1. PENDAHULUAN**

Pendekatan integratif dan Islamisasi ilmu Syed Muhammad Naquib al-Attas menurut Wan Mohd Nor (2014) adalah berasaskan falsafah dan metodologi pendidikan yang mengarah satu tujuan, iaitu Islamisasi fikiran, jiwa raga dan kesannya terhadap kehidupan Islam dan umat lain secara peribadi mahupun masyarakat.

Sekiranya sarjana lain melihat pendekatan integratif dalam Islam ialah menyatupadu elemen-elemen ilmu barat dan timur dalam penghayatan Islam, al-Attas pula mempunyai pandangan berbeza dengan pemikiran tersebut. Menurut pandangan beliau, ilmu tidak berdiri bebas nilai (*value free*) tetapi ilmu terikat (*value bond*) dengan nilai-nilai diyakini kebenarannya (Syed Muhammad Naquib, 2010). Ilmu itu bersifat subjektif dan bergantung pada orang yang meneliti dan menilainya. Oleh sebab itu, bagi beliau, sesuatu ilmu yang diterima perlulah diislamisasikan terlebih dahulu khasnya ilmu-ilmu rasional dan semasa. Beliau menegaskan sesuatu ilmu atau teori yang dipeloporkan seseorang sarjana, belum tentu bermakna dalam kehidupan sekiranya nukilan atau karya tersebut terpengaruh atas kepentingan peribadi, sekularisme, adat dan budaya serta memisahkan konsep ketauhidan kepada Allah SWT.

Pendekatan integratif beliau yang lebih berorientasikan mengislamisasi ilmu menyebabkan al-Attas memainkan peranan penting dalam mempelopori kemunculan ilmu pengetahuan dan sekali gus membawa kesedaran baru di Malaysia dari aspek warisan intelektual, sejarah dan tamadun. Menerusi kaedah pembacaan, pengumpulan maklumat melalui bahan bertulis dan petikan ucapan, didapati al-Attas merupakan tokoh yang komprehensif dan unggul sealiran dengan pemikir Islam semasa dan terdahulu seperti Abduh, Iqbal, Fazlul Rahman, Ismail al Faruqi, Abdul Karim Soroush (Wan Mohd Nor, 2014) dalam mengkaji sumber-sumber Islam berkaitan ketauhidan kepada Allah SWT di samping berkaitan sunnah Rasulullah SAW yang menjadi intipati utama beliau dalam menginterasi dan mengislamisasi ilmu seperti pandangan beliau berkaitan Islam dan sekularisme, metafizika Islam, kaedah tauhid dalam epistemologi

dan pendidikan, tafsir dan takwil sebagai kaedah saintifik dan pelbagai pandangan lain yang penuh dengan falsafah kesufian dan ketauhidan kepada Allah SWT.

### 1.1 Penyataan Masalah

Berdasarkan penelitian dalam masalah yang dikaji, berikut dikemukakan beberapa kenyataan dan pandangan berkaitan isu dan permasalahan dalam bidang pendidikan yang menuntut pelaksanaan pendekatan integratif, antaranya:

a. Terpisahnya agama dengan ilmu pengetahuan.

Intelektual Muslim Indonesia, Amien Rais (1985), mengkritik bahawa pendidikan formal masa kini secara umumnya masih memisahkan antara agama dan ilmu pengetahuan. Beliau mengatakan Islam tidak mengenali adanya petakan dalam kehidupan manusia. Bidang pengembangan ilmu dan teknologi juga adalah satu bahagian penting dan utuh dalam kehidupan seorang muslim. Ini kerana ilmu dan teknologi serta seluruh dimensi kehidupan lainnya berpadu dalam kehidupan tauhid iaitu:

- a) Tidak terpisah ilmu pengetahuan dan agama
- b) Ilmu pengetahuan dan teknologi bertujuan mencapai keredhaan Allah
- c) Ilmu pengetahuan dan teknologi tidak bebas nilai, di luar kawalan dan sarat nilai (*value-laden*)
- d) Ilmu pengetahuan dan teknologi dikembangkan sejauh mungkin selagi ia berlandaskan etika dan moral yang jelas
- e) Korelasi positif antara pengembangan ilmu pengetahuan, teknologi dan peningkatan takwa kepada Allah.

b. Kelemahan dalam sistem pendidikan.

Ismail Raji al-Faruqi (1989), dalam bukunya *Islamization of Knowledge: General Principal and Work Plan*, dengan tegas menyatakan bahawa punca utama kemunduran umat Islam atau diistilahkan oleh beliau dengan *malaise* adalah kerana sistem pendidikan yang lemah dan tidak mempunyai asas intelektual dan metodologi falsafah pendidikan yang kukuh. Beliau menyesali fenomena pemisahan antara akal iaitu ilmu pengetahuan dengan agama.

Al-Faruqi (1989), seterusnya menegaskan bahawa tugas utama yang mesti ditanggung oleh umat pada abad ke 15 Hijrah ialah menyelesaikan masalah pendidikan. Menurut al-Faruqi, kebangkitan umat Islam tidak akan berjaya tanpa memperbaiki cacat cela pendidikan. Apa yang diperlukan ialah dengan menyatukan dan melengkapkan sistem pendidikan Islam dengan sistem sekular. Dengan penyatuan ini kemudiannya akan wujud satu sistem baru pendidikan yang ditanamkan dengan roh Islam atau Islamisasi Ilmu. Sistem ini akan berfungsi sebagai sebahagian daripada program ideologi yang utuh.

c. Kekurangan tokoh dan ilmuawan yang berwibawa.

Menurut Wan Mohd Nor (2014), kekurangan tokoh dan ilmuwan pendidikan Islam yang berwibawa dan teoritis akan mengakibatkan konsep ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam difahami dan dilaksanakan secara sempit dan menyeleweng yang akhirnya akan melahirkan kesilapan besar dalam dunia pendidikan di negara-negara umat Islam. Rentetan daripada kesilapan dalam dunia pendidikan inilah sebenarnya menjadi punca kepada kemunduran umat Islam di seluruh dunia.

Hasan Langgulung (2003), menyatakan bahawa semua perkara yang dibahaskan dalam pendidikan moden dan mutakhir ada dasarnya dalam pendidikan Islam. Menurut beliau lagi, sepatutnya ahli-ahli pendidikan di dunia Islam mengkaji pendidikan Islam, mengkaji

pemikiran pendidikan Islam dan bagaimana mereka berfikir, daripada mengikuti saja arus pendidikan yang jauh dari jiwa, roh dan hati agama kita sendiri yang telah dibuktikan oleh sejarah akan kegagalannya kerana jauh daripada ideologi kita umat Islam.

Berdasarkan kenyataan ini, pengkaji amat tertarik dengan pemikiran al-Attas dalam membicarakan pendidikan integratif dalam Islam dan merasa perlu untuk terus meneroka dan meneliti pendekatan integratif ini dalam sistem pendidikan di Malaysia. Namun, fokus utama kajian adalah kepada aplikasi atau pelaksanaan pendekatan ini dalam sistem pendidikan negara dan implikasinya terhadap dunia pendidikan Islam di negara kita.

## **1.2 Persoalan Kajian**

1. Bagaimanakah konsep pendidikan integratif dalam Islam?
2. Adakah pendekatan integratif Syed Muhammad Naquib al-Attas diaplikasi dalam Sistem Pendidikan Negara?
3. Adakah terdapat persamaan antara Pemikiran Islamisasi ilmu al-Attas dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025?

## **1.3 Objektif Kajian**

1. Mengkaji konsep pendidikan integratif menurut Islam.
2. Meneliti pelaksanaan pendekatan integratif Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam Sistem Pendidikan Negara.
3. Menganalisis perbandingan antara Pemikiran Islamisasi ilmu al-Attas dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Usaha dan sumbangan intelektual hasil kajian ini merupakan aset yang amat penting dan sewajarnya kita memanfaatkan kemampuan dan visi para ilmuwan dengan sebaik-baiknya ke arah menentukan arah dan hala tuju perkembangan pendidikan khususnya di tanah air kita dalam aspek ilmu, intelektual, pembuat dasar (Kementerian Pendidikan), ibu bapa dan pelajar.

Pertamanya dari segi pencambahan ilmu, kajian ini amat penting untuk mengupas dan menganalisis pemikiran tokoh yang dikaji terutamanya yang berkaitan falsafah ilmu dan pendidikan, tajdid ilmu, pendidikan bersepadu, metodologi pendidikan, pengislaman ilmu, peranan ulama dalam pendidikan dan sebagainya. Oleh sebab itu, pengkaji merasakan pemilihan al-Attas sebagai tokoh kajian amat tepat kerana mengikut penelitian setakat ini, hanya terdapat beberapa kajian ilmiah yang melibatkan ketokohan beliau seperti kajian oleh Wan Mohd Nor (2005), yang berkisar pemikiran falsafah dan amalan pendidikan Islam dan Aizan Ali (2009), yang mengkaji berkaitan kehidupan, pemikiran praktikal dan intelektual al-Attas.

Kedua, hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai garis panduan bagi pentadbir institusi pendidikan tinggi (IPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyemak, melaksana dan mengelola serta menjalankan penilaian untuk mencapai matlamat, objektif dan harapan pendidikan negara. Ini kerana al-Attas merupakan tokoh yang banyak memberi sumbangan besar ke arah memertabatkan pemikiran Islam kontemporari dan pendidikan Islam khususnya di Malaysia dan serantau nusantara. Pemikiran pendekatan integratif yang beliau lontarkan khususnya dalam Islamisasi ilmu adalah amat signifikan untuk dikaji, kerana segala idea dan

fikrahnya amat bermanfaat untuk para pendidik dan generasi muslim masa kini dan sepanjang zaman.

Ketiga, sumbangan, pemikiran, usaha, pengalaman dan penulisan beliau selaku sarjana ulung dan pemikir Muslim yang hebat wajar dikongsi oleh generasi kini untuk kelangsungan dan kesinambungan tamadun Islam yang berteraskan nilai-nilai keagamaan yang mantap. Lontaran idea dan pandangan beliau sering menjadi rujukan bukan saja oleh golongan mahasiswa tetapi sebahagian besar para pakar dan cendekiawan pada hari ini. Kemantapan pemikiran beliau dan pengalaman yang luas dalam dunia akademik dan intelektual penting untuk mengatasi masalah dan menentukan arah perkembangan serta hala tuju pendidikan khususnya pendidikan Islam. Adalah diharapkan kajian ini dapat menambah dan memperkayakan lagi khazanah ilmu, maklumat, pemikiran dan hasil penyelidikan berkaitan tokoh ilmuwan tempatan yang banyak memberi sumbangan dalam bidang pendidikan. Ia sewajarnya diikuti dan diteladani idea-idea kependidikannya, seterusnya digunapakai dalam sistem pendidikan negara.

Selanjutnya yang keempat, bagi ibu bapa dan masyarakat, kepentingan kajian ini amat penting kerana pendekatan integratif yang dikemukakan oleh al-Attas ke arah melahirkan insan baik (*insan adabi*) mempunyai kaitan langsung dengan situasi dan harapan mereka dalam menentukan masa depan anak-anak. Oleh itu, kajian terhadap pendekatan dan pemikiran al-Attas khususnya dalam bidang pendidikan Islam akan lebih mendekati kefahaman ibu bapa dan masyarakat dalam isu yang dibangkitkan.


Akhirnya, bagi para pelajar, pengkaji berharap kajian ini amat penting dalam merealisasikan matlamat menjana kualiti modal insan mengikut acuan kita sendiri demi mendepani dunia yang bersifat globalisasi. Oleh sebab itu, ilmu pendidikan yang dijana kepada anak didik kita perlu bergerak seiring dengan agama, sehingga dapat mencipta satu dinamika yang seimbang antara ilmu, iman dan amal.

### **1.5 Skop dan batasan Kajian**

Pengkaji hanya membataskan dan memfokuskan kajian kepada pengkajian konsep pendidikan integratif menurut Islam, pendekatan integratif al-Attas dalam pendidikan, perbandingan pendekatan integratif al-Attas dengan pelaksanaan dalam sistem pendidikan negara. Kajian ini tidak merangkumi aspek-aspek lain yang tidak berkaitan dengan objektif dan soalan kajian yang dikemukakan walaupun aspek berkenaan dianggap relevan.

Kajian ini secara umumnya menggunakan rujukan Bahasa Melayu sebagai fokus utama di samping penggunaan rujukan Bahasa Inggeris sebagai rujukan sampingan. Keadaan ini sebenarnya dibantu dengan banyaknya buku terjemahan yang berkaitan aspek pendidikan dan tokoh yang dikaji.

### **1.6 Kerangka Konseptual Kajian**



Rajah 1: Kerangka Konseptual

## 2. TINJAUAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian pendekatan integratif yang berkaitan tokoh-tokoh, ulama silam dan kontemporari. Al-Ghazali merupakan tokoh Islam yang integratif. Beliau menguasai pelbagai disiplin ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang falsafah, usul fiqh, ilmu kalam, tasawuf, kemasyarakatan, pendidikan, akhlak, politik dan sebagainya. Al-Ghazali merupakan tokoh pendidikan Islam yang unggul kerana beliau mengemukakan teori-teori yang bersifat revolusioner dalam pendidikan, mempunyai ketajaman akal fikiran, boleh mengenalpasti masalah dan memberikan jalan penyelesaian yang mencakupi semua ruang masa sehingga kini (Hamid, 1990 dan Osman, 1992).

Ibn Khaldun juga telah mewariskan legasi yang bernilai dalam bidang pendidikan di samping bidang-bidang yang sinonim dengan beliau iaitu sejarah, falsafah, sosiologi dan sains politik. Beliau banyak mengemukakan idea-idea besar tentang bagaimana sikap yang sepatutnya ada dalam proses pendidikan. Hingga ke hari ini idea pemikiran beliau terus dikaji dan dipelajari oleh ramai sarjana di seluruh dunia (Ratna Roshidah & Mohd Syariefudin, 2009).

Muhammad ‘Abduh adalah pencetus idea-idea pendidikan bercorak idealistik. Hal ini dapat dilihat dalam usahanya menyeimbangkan dan menyelaraskan secara bersepadu pemikiran keagamaan dan sains umum di sekolah tradisional dan moden, di samping menekankan pendidikan Islam yang seimbang antara dua aspek, iaitu kognitif dan afektif (Ahmad Bazli, 1998).

Pembaharuan pendidikan Islam menurut Muhammad Rasyid Rida ialah melihat pemahaman yang sebenar mengenai konsep ilmu, pembelajaran yang bersifat sepadu antara wahyu dengan ilmu akal dan usaha melahirkan para ulama dan cendekiawan Islam yang bersifat proaktif dan mesra masyarakat serta dunia sekelilingnya (Mustaffa, 2004).

Di rantau nusantara, Mohammad Natsir telah mengutarakan gagasan dalam dunia pendidikan yang menjadi tunjang kepada Pendidikan Islam merangkumi tauhid sebagai asas pendidikan, konsep ilmu, kebebasan berfikir sebagai tradisi dan disiplin ilmu, Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan kesinambungan sekolah pondok dalam menghadapi perubahan zaman. Menurut Mohammad Natsir, tujuan pendidikan dalam Islam adalah selari dengan tujuan manusia diciptakan, iaitu mengabdikan diri kepada Allah dengan menempatkan manusia di tempat teratas sebagai khalifah di muka bumi ini (Gamal Abdul, 2003).

Selain itu, banyak lagi ilmuwan dan cendekiawan muslim yang membincangkan dan menekankan pengintegrasian ilmu dalam pendidikan yang berasaskan tauhid dalam tulisan-tulisan mereka seperti Ismail Raji al-Faruqi (Wirna Khusnul, 2010), Mohammad Qutb, Osman Bakar, Fazlur Rahman, Mohamed Yasien dan Zafar Ishaq Ansari.

Justeru itu, pemikiran semula harus diarahkan kepada pembentukan sistem pendidikan yang mengintegrasikan ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu duniawi supaya peribadi-peribadi yang lahir dari sistem itu bukan sahaja mempunyai kecerdasan mental tetapi juga mempunyai tasawwur Islam, budi pekerti, jiwa dan akhlak yang jujur (Mohd Kamal, 1979).

Oleh sebab itu berdasarkan pengetahuan ini, pengkaji tertarik dan merasa perlu untuk mengangkat persoalan tersebut. Untuk mengetahui bagaimana konsep pendekatan integratif al-Attas dalam pendidikan Islam dan pelaksanaan dalam sistem pendidikan negara.

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan biografi (*biographical approach*), iaitu penelitian tentang individu dan pengalamannya yang ditulis kembali dengan mengumpulkan dokumen dan bukti-bukti tentang ketokohan dan pemikiran tokoh yang dikaji (Norman, 2008). Fokus kajian ini adalah pendekatan integratif menurut pemikiran al-Attas dan bukan sejarah dirinya. Kesemua penelitian boleh dikatakan secara keseluruhannya berasaskan penelitian perpustakaan (*library research*) dari buku-buku ilmiah, majalah, surat khabar yang ada kaitan dengan tokoh kajian iaitu al-Attas.

#### **3.2 Tatacara Atau Prosedur Pemerolehan Data**

Seterusnya, dalam aspek pembentangan data dan fakta, pengkaji akan menggunakan cara penerangan menggunakan perkataan (*narration with words*) atau bersifat deskriptif (Mc Milan et.al., 1989). Dalam konteks kajian, pengkaji mengambil kira kesemua metod kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu sebagai asas dalam melaksanakan kajian ini, termasuklah pemerolehan data menggunakan metod dokumentasi dan historis.

##### **(i) Kaedah Dokumentasi**

Kaedah dokumentasi merupakan satu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti dan dikaji (Charles, 1962, dan Imam, 1982).

Dalam kajian ini, pengkaji akan membuat pencarian data secara *library research* dengan membaca hasil karya al-Attas sendiri sebagai data primer dan penulisan-penulisan lain berkaitan pendidikan integratif sebagai data sekunder.

## (ii) Kaedah Historis (Persejarahan)

Kaedah historis bermaksud kaedah sejarah merupakan satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kajian (Imam, 1982). Kaedah ini merupakan suatu proses meneliti dan menganalisis catatan dan tinggalan masa lalu. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data berkaitan pemikiran al-Attas dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan.

### 3.2.1 Tatacara Penganalisan Data

Dalam kajian ini, data yang dianalisis adalah berasaskan dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan masalah yang dikaji seperti laporan, autobiografi, temubual, tesis dan karya asal subjek kajian. Sumber sekunder pula ialah sumber keadaan dan pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan jua buku-buku ilmiah (Louay, 1998, Idris, 2009, dan Sabitha, 2005).

Antara karya yang diteliti sebagai sumber primer kajian ialah:

- a. Karya penulisan al-Attas
  - (i) Islam dan Sekularisme, Penerbit Pustaka, Bandung, 2010.
  - (ii) Dewesternisasi Ilmu, Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu, 1: 2, 2010. 3-20
  - (iii) Islam and Secularism, Penerbit ISTAC. Kuala Lumpur. Second Impression, 1993.
  - (iv) Tinjauan ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam, Penerbit USM. 2007.
  - (v) Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam, Penterjemah Samsudin Jaafar, Kuala Lumpur, DBP, Cetakan Pertama, 1992.
- b. Karya penulisan Wan Mohd Nor (2014)
  - (i) Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib Al-Attas : Satu huraian Konsep Asli Islamisasi, Penerbit Universiti Malaya, Cetakan Keenam, 2014.

Dalam menganalisis data kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa pendekatan, antaranya pendekatan analisis isi (*content analysis*) dan pendekatan komparatif seperti huraian berikut :

## (i) Kaedah Analisis Isi (Kandungan)

Kaedah ini merupakan analisis terhadap makna yang terkandung dalam keseluruhan pemikiran al-Attas mengenai pendekatan integratif. Pengkaji perlu meneliti pemikiran tokoh ini untuk memahami karakteristik pemikirannya yang cenderung dominan membicarakan masalah ilmu dan pendidikan. Analisis isi ini melibatkan data-data yang diperolehi melalui penelitian terhadap hasil-hasil penulisan beliau dan ahli sarjana yang lain yang menulis dan mengkaji tentang beliau.

## (ii) Kaedah Komparatif (Perbandingan)

Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk membandingkan data-data yang diperolehi daripada dokumentasi dan historis atau sejarah. Proses ini akan dilaksanakan secara berterusan sehingga selesai kajian

#### **4. DAPATAN KAJIAN/PERBINCANGAN**

##### **4.1 Konsep Pendidikan Integratif dalam Islam.**

Pelbagai istilah telah digunakan untuk menggambarkan maksud yang bersamaan dengan istilah integratif termasuklah istilah bersepadu. Shaharir Mohammad Zain misalnya, menggunakan istilah ‘Pendidikan Terkamir’, Mohammad Natsir pula menggunakan istilah ‘Pendidikan Integral’ dan Sidek Baba menggunakan istilah “Pendidikan Integratif” yang mana maksud akhirnya ialah pendidikan bersepadu (Zuraidah, 2015).

Integratif atau integrasi bermaksud penggabungan atau pergabungan dua atau beberapa unsur, bahagian dan lain-lain – menjadi kesatuan, penyatuan – berpadu – disatupadukan (Kamus Dewan,2010).

Istilah bersepadu bermaksud bersatu, bercantum, bergabung, bertaut, bersehati, bekerjasama, bermuafakat, seia sekata dan bersama-sama, yang dikonsepsikan dan direalisasikan dengan berasaskan kepercayaan kepada Tuhan (kesepaduan berpusatkan Pencipta dan bukan kesepaduan berpusatkan manusia). Lawan bersepadu ialah berpecah, bercerai, bertaburan, bersendirian, berasingan, dualis, atau terpisah (Nik Aziz,1999).

Pendidikan integratif juga bermaksud pendidikan yang memadukan Ilmu Fardu Ain, iaitu ilmu yang wajib ke atas setiap Muslim mempelajarinya secara individu seperti ilmu fiqh dan ilmu usul (dasar-dasar agama), dengan Ilmu Fardu Kifayah, iaitu ilmu yang diwajibkan ke atas umat Islam secara kelompok seperti ilmu perubatan, astronomi dan sebagainya (Al Zarnuji, 1986).

Kesimpulannya, pendekatan integratif ialah pendekatan yang memadukan ilmu fardu ain, iaitu yang wajib ke atas setiap muslim mempelajarinya secara individu seperti ilmu fiqh dan ilmu usul, dengan ilmu fardu kifayah, iaitu ilmu yang diwajibkan ke atas umat Islam secara kelompok seperti ilmu perubatan, astronomi dan sebagainya. Dalam makna lain pendekatan integratif merupakan pendidikan sepadu yang menyeluruh, bersumberkan al Quran dan hadis, di samping adanya integrasi disiplin ilmu ke arah membina ummah yang berteraskan akidah.

##### **4.2 Pelaksanaan Pendekatan Integratif Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam Sistem Pendidikan Negara.**

###### **4.2.1 Pelaksanaan Pendekatan Integratif Dalam Sistem Pendidikan Negara**

Banyak pihak yang menyambut usaha baik konsep pendidikan bersepadu dan Islamisasi ilmu serta cuba merealisasikan di pelbagai peringkat pendidikan dari tahap pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke institut pengajian tinggi. Sebenarnya tahap pelaksanaan boleh disorot dari beberapa perspektif. Secara umumnya reformasi pendidikan integratif dan Islamisasi ilmu berkembang dengan hebat selepas tersuratnya Falsafah Pendidikan Negara (FPN) pada tahun 1987 dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) pada tahun 1995 yang mencetuskan penyerapan nilai-nilai murni yang merentasi kurikulum dan ko-kurikulum (Zuraidah, 2015).



Manakala Noor Hisham (2015) pula mengatakan, pendekatan tersebut telah berlaku di sekolah rendah dan menengah di mana pelajar memperoleh ilmu fardhu ain atau pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran rasmi. Manakala mata pelajaran yang lain (ilmu aqli) dianggap sebagai mewakili komponen fardhu kifayah. Kenyataan ini jika diteliti sememangnya mempunyai keserasian dengan pemikiran al-Attas bahawa konsep ilmu dalam Islam terbahagi kepada dua bahagian iaitu fardhu ain yang mewakili disiplin agama dan ilmu fardhu kifayah yang mewakili disiplin kognitif (Mok, 2010). Ilmu dan ajaran-ajaran dalam pendidikan Islam inilah yang disepadukan atau menurut pandangan al-Attas 'diislamisasikan' dengan pelbagai mata pelajaran lain yang ditawarkan.

Walaupun bagaimanapun, persoalannya tidaklah diketahui setakat mana pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam telah dikaitkan dengan mata pelajaran yang lain. Demikian juga tidak diketahui dengan jelas tahap kemampuan pengalaman pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran lain untuk disepadukan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Apa yang berlaku ialah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memberi penekanan supaya nilai-nilai murni direntas dalam semua mata pelajaran yang diajar. Setakat ini belum ada satu formula yang khusus bagaimana guru dapat merealisasikannya dalam bilik darjah. Masing-masing menggunakan pendekatan yang tersendiri berdasarkan pengalaman.

#### **4.2.2 KBSR dan KBSM: Permulaan Pendekatan Integratif dalam Pendidikan.**

Walaupun bagaimanapun, umumnya konsep pendidikan integratif sudah berlaku di Malaysia melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KBSR yang dimulakan sepenuhnya pada tahun 1983 dan mencapai tahap pelaksanaan penuh pada tahun 1988. Sungguhpun KBSR terbentuk sebelum tersuratnya FPN, kurikulum ini memenuhi konsep pendidikan integratif (bersepadu) yang dianjurkan oleh FPN (Tajul dan Abdul Rahman, 1987).

KBSM menyambung usaha pendidikan KBSR dengan menekankan perkembangan potensi insan secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. KBSM dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1989 dan mencapai tahap pelaksanaan penuh pada tahun 1993. KBSM yang berasaskan konsep pendidikan bersepadu bertujuan untuk membentuk insan yang baik dan berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Pelaksanaan KBSM yang telah diaplikasikan di sekolah biasa aliran kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan agama merupakan suatu kesinambungan kepada kegemilangan pendidikan integratif.

Penyataan ini dibuat berdasarkan kepada asas bahawa Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam yang digubal dan kurikulum (KBSR/KBSM) ditawarkan telah pun menunjangi hasrat dan matlamat kesepaduan (Noor Hisham, 2015). Pengubalan falsafah pendidikan yang tersurat ini dan pembentukan KBSM adalah satu titik tolak yang penting dalam sejarah perkembangan sistem pendidikan umat Islam di Malaysia.

Sebenarnya apa yang tersurat dalam KBSM ini telahpun dicetuskan melalui pandangan al-Attas pada tahun 1970 lagi semasa mendefinisikan erti pendidikan Islam secara sistematik. Beliau menegaskan tujuan pendidikan menurut Islam bukanlah hanya untuk menghasilkan warga negara dan pekerja yang baik, sebaliknya tujuan tersebut adalah untuk mencipta manusia yang baik. Pada bulan September, 1970, al-Attas mengajukan kepada Ghazali Shafie, Menteri Dalam Negeri Malaysia pada masa itu, bahawa 'tujuan pendidikan daripada tingkat yang paling rendah hingga tingkat yang paling tinggi seharusnya tidak ditujukan

untuk menghasilkan warganegara yang sempurna (*complete citizen*), tetapi untuk melahirkan manusia yang baik.' (Wan Mohd. Nor, 2014).

Pernyataan di atas membuktikan apa yang terkandung di dalam FPN, FPI, KBSR dan KBSM pada era 1980an dan 1990an telah diidealisasikan secara realiti melalui pemikiran al-Attas yang telah melepasi 'pemikiran di luar kotak' atau era semasa. Walaupun al-Attas tidak pernah mendakwa apa yang terkandung dalam konsep dan matlamat sistem pendidikan negara merupakan gagasan pemikirannya tetapi sejarah telah membuktikan bahawa al-Attas merupakan sarjana Muslim komtemporari pertama membicarakan pendidikan integratif dan Islamisasi ilmu.

#### **4.2.3 Fenomena dan Kecenderungan Minat Ibu Bapa Terhadap Sekolah Aliran Agama.**

Walaupun bagaimanapun pendekatan yang dibawa dalam KBSR dan KBSM dalam sekolah-sekolah aliran kebangsaan tidak berupaya menambah keyakinan yang pelbagai di kalangan majoriti ibu bapa. Justeru itu, ramai di kalangan ibu bapa cuba mencari alternatif sistem pendidikan lain kerana tidak yakin dengan agenda pendidikan bersepadu yang diterjemahkan oleh pihak kerajaan. Mereka lebih cenderung untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama di mana kurikulum pengajian agama yang ditawarkan lebih mendalam (Noor Hisham, 2015). Implikasi kecenderungan pendidikan agama dan minat yang berterusan di kalangan ibu bapa telah membawa peningkatan dan pertambahan sekolah-sekolah Islam yang mendadak di seluruh pelusuk negara (Rahimah, 2012). Antaranya, di peringkat sekolah rendah lahirnya beberapa model berikut:

1. Sekolah Rendah Agama Integrasi
2. Sekolah Rendah ADNI
3. Sekolah Rendah Islam (SERI)

Manakala di peringkat sekolah menengah pula lahir pelbagai bentuk model sekolah menengah sebagaimana berikut :

1. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi
2. Sekolah Menengah Agama Persekutuan
3. Sekolah Menengah Agama Negeri
4. Sekolah Menengah Agama Rakyat
5. Sekolah Menengah Agama Bantuan Rakyat (SABK)
6. Maahad Tahfiz wa Al-Qiraat
7. Maahad Tahfiz Sains
8. Maktab Rendah Sains MARA Tahfiz (MRSM Ulul Albab)

Apabila melihat permintaan ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah agama semakin meningkat, khususnya yang dikelolakan oleh kerajaan negeri seperti Maktab Mahmud di Kedah, Sekolah Menengah Maahad Muhammadi di Kelantan, Sekolah Menengah Al-Maahad Alawiyyah di Perlis dan pelbagai institusi sekolah agama rakyat yang lain, maka terbangunlah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di seluruh negara sebagai wadah pilihan (Noor Hisham, 2015) yang berperanan menghasilkan suatu corak pendidikan Islam yang integratif. Mata pelajaran agama seperti Tasawwur, Bahasa Arab (*Lughah*), Syariah, Fekah, Sirah, Usuluddin diajar bersama-sama mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan pelbagai mata pelajaran lain. Sistem ini telah menghasilkan ribuan anak didik yang tidak sahaja mengkhusus dalam kemahiran ilmu-ilmu agama tetapi juga

*takhassus* dalam ilmu perubatan, sains dan juga teknologi. Sistem ini amat diminati oleh masyarakat Islam Malaysia kerana hasilnya amat memberangsangkan (Sidek, 2011).

Oleh kerana permintaan ibubapa terhadap SMKA sangat tinggi, kerajaan membuka sistem baru iaitu sekolah aliran kebangsaan tetapi menawarkan Kelas Aliran Agama (KAA) seperti yang ditawarkan di SMKA. Menurut Rosnani (1998), telah melihat perkembangan ini dengan positif. Beliau telah menganalisis sistem pendidikan kebangsaan dan sistem pendidikan agama dan kajian beliau menunjukkan bahawa wujudnya keserasian di antara kedua-duanya yang memberi harapan berlakunya kemungkinan pensintesisan khususnya bagi aliran agama seperti SMKA atau Kelas Aliran Agama.

Dalam aspek yang lain, pendekatan integratif dalam Islamisasi ilmu diperluaskan lagi melalui Tahfiz Integratif Darul Quran yang dikelolakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pendidikan Imtiyaz di Terengganu dan Program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Besut, Terengganu, Gemencheh, Negeri Sembilan dan Kepala Batas, Pulau Pinang yang kesemua menyerap kesepaduan ilmu fardhu ain (ilmu mengurus diri) dan ilmu fadhu kifayah (ilmu mengurus diri) (Zuraidah, 2015).

Walaupun perbincangan di atas membuktikan semua institusi pendidikan telah mengaplikasikan elemen kesepaduan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah sebagaimana yang diilhamkan oleh al-Attas, tetapi yang menimbulkan persoalan, adakah saranan beliau agar ilmu pendidikan Islam diterap dalam semua mata pelajaran ilmu fardhu kifayah atau ilmu aqli (iaitu ilmu pengurusan sistem seperti mata pelajaran matematik, sains, teknologi, komunikasi dan pelbagai yang lain) sebagai suatu sistem pendidikan bersepadu, telah diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Menurut al-Attas (1993), insan adalah makhluk yang bersifat *dual-nature* yang terdiri daripada dua unsur iaitu rohani dan jasmani. Untuk membangunkan insan secara bersepadu, aspek rohani perlu dijadikan asas untuk memandu dan mengawal komponen-komponen yang lain.

Persoalan dan keraguan ini sepatutnya diperbincangkan dengan teliti kerana menurut pandangan Abdul Halim (2009), beliau telah mempertikaikan kedudukan ilmu Pendidikan Islam sama ada sebagai mata pelajaran atau sebagai satu sistem pendidikan. Kesimpulannya beliau mendapati pendidikan Islam masih terpisah daripada paradigma ilmu yang luas dan belum menjadi sistem yang unggul yang berpunca daripada pelaksanaan PdP dan kualiti guru, ketiadaan buku yang mesra dengan pendekatan kesepaduan dan Islamisasi ilmu terutamanya mata pelajaran sains, matematik, fizik, dan kimia serta berlakunya perubahan fokus dan tumpuan sistem pendidikan KPM terutamanya dalam menjayakan aspirasi PPPM 2013-2025.

#### **4.2.4 Pelaksanaan Pendekatan Integratif Dalam Islamisasi Ilmu Institut Pendidikan Tinggi (IPT)**

Kesinambungan model pendidikan integratif dan Islamisasi ilmu tidak terhenti setakat tahap menengah sahaja, tetapi mula berkembang di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTA), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Universiti Insaniah di Kedah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak yang mendorong kesepaduan ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah dalam sistem pendidikan Negara.

#### **4.2.5 Perkembangan Pelaksanaan Pendekatan Integratif di IPT**

Pelaksanaan konsep pendidikan bersepadu (Islamisasi ilmu) di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) sebenarnya bermula dengan peningkatan minat dan kesedaran Islam selepas berlangsungnya Persidangan Pendidikan Islam Sedunia Kali Pertama di Mekah pada tahun 1977 yang melibatkan beberapa tokoh ilmuwan Islam seperti al-Attas, Ismail-Faruqi dan Taha Jabir. Mereka ini merupakan tokoh-tokoh besar dalam bidang Islamisasi ilmu dan pendidikan. Sejak berlangsungnya persidangan tersebut, banyak bengkel dan seminar lanjutan dibuat bagi meninjau strategi membangunkan Bahasa Arab, kurikulum, metodologi, persiapan guru bagi menentukan agenda Islamisasi berjalan terancang dan sistematik (Sidek, 2006).

Menurut Wan Mohd Nor (2014), meskipun belum ada kajian yang memadai tentang pemikiran dan dasar kebangkitan Islam di Malaysia sejak 1970, banyak pandangan berpendapat bahawasanya al-Attas merupakan salah seorang tokoh yang memainkan peranan penting dalam hal itu. Sidek Baba dalam Zuraidah (2015), menjelaskan bahawa pada sekitar tahun-tahun 1970an dan 1980an, pemikiran al-Attas mengenai Islamisasi ilmu menjadi dominan. Sejak al-Attas membentangkan kertas kerjanya dalam persidangan tersebut, idea tentang integrasi dan Islamisasi ilmu ini amat popular. Ia ditambah pula dengan munculnya konsep sekularisme yang dibawa olehnya. Al-Attas bersama al-Faruqi serta para pendukung ilmu dan pendidikan Islam berpendapat bahawa wujudnya dualisme dalam pemikiran umat Islam hari ini akibat tasawur atau *world-view* yang sekularistik. Untuk mengembalikan tasawur berasaskan tauhid, Islamisasi ilmu perlu dilaksanakan.

Oleh sebab itu, sama ada secara tersurat atau tersiratnya konsep kesepaduan dan Islamisasi ilmu di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) adalah merupakan gagasan pemikiran al-Attas yang dikembang luas bersama Al-Faruqi, pendukung-pendukung dan anak didik Al-Attas sendiri seperti Sidek Fadhil, Osman Bakar, dan Wan Mohd Nor Wan Daud. Pandangan ini sukar untuk dinafikan kerana salah seorang tokoh pendidikan integratif negara yang banyak terlibat dalam pelaksanaan program persiswazahan UIAM, Ulul Albab (MRSM), Maktab Tahfiz Al-Quran dan JAKIM iaitu Prof. Sidek Baba mengakui bahawa al-Attas merupakan tokoh awal yang banyak mempengaruhinya dalam integrasi dan Islamisasi ilmu (Zuraidah, 2015).

Di peringkat awal kemunculannya, pelajar IPT telah diperkenalkan dengan kursus Tamadun Islam yang merupakan langkah permulaan untuk melaksanakan agenda Islamisasi ilmu-ilmu moden yang akan dibincangkan nanti. Dalam era 1980an, kebanyakan universiti mula menawarkan beberapa kursus berdasarkan pendekatan Islam dalam bidang-bidang tertentu. Umpamanya Universiti Sains Malaysia (USM) menawarkan kursus seperti Tuhan dan Manusia dalam Islam, Falsafah Islam, Seni dalam Islam, Sains dalam Islam dan Asas-asas Pembangunan Dalam Islam (Wan Mohd Nor, 1994). Namun kebanyakan kursus tersebut adalah bersifat elektif dan sebahagian pelajar Islam mungkin tidak ingin mengambil manfaat daripadanya.

Usaha untuk mengintegrasikan Islamisasi ilmu kian ketara apabila Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengambil tindakan yang progresif dan proaktif sebagai suatu langkah ke hadapan dengan mewajibkan pelajarannya untuk mengambil satu mata pelajaran pengajian Islam secara tersusun setiap semester. Namun mulai tahun 2002, kurikulum tersebut telah diubah semula di mana pelajar muslim diwajibkan untuk mengambil mata pelajaran pengajian Islam secara tersusun hanya setakat tiga semester sahaja (Noor Hisham, 2015).

Pelaksanaan gagasan Islamisasi ilmu semakin mampan dengan pembinaan beberapa Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta seperti UIAM, KUIM, KUIS, Kolej Dar al-Hikmah

(KDH) dan pelbagai institusi lain yang melaksanakan konsep pengajian yang bersepadu. Di samping menawarkan program-program pengajian Islam, institusi ini juga menawarkan kursus-kursus akademik dan professional. Institusi ini berhasratkan untuk melahirkan generasi baru muslim yang berilmu, berwibawa, berakhlak dan professional yang mampu mengangkat semula martabat bangsa dan ummah. Dalam usaha merealisasikan hasrat tersebut, kurikulumnya telah dirangka sedemikian rupa di mana pelajar diwajibkan mengambil beberapa kursus pengajian Islam di samping mengikuti program usrah, tamrin dan sebagainya.

Pendekatan penerapan nilai-nilai Islam khususnya yang melibatkan proses Islamisasi ilmu secara langsungnya berkait rapat dengan tiga institusi penting iaitu Institut Pemikiran Islam dan Peradaban Antarabangsa (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Menurut Sidek (2006), uniknya ketiga-tiga institusi ini bukan sahaja menghasilkan kajian dan penelitian mengenai rangka ilmu dan pendidikan yang menghubungkan jejak-jejak pemikiran tokoh dan tamadun silam malah menawarkan program-program integrasi dan Islamisasi untuk kursus-kursus yang diajar seperti anjuran UIAM.

Melalui falsafah, visi dan misi masing-masing, ketiga-tiga institusi tersebut menyatakan secara jelas bahawa organisasi mereka menawarkan sistem pendidikan bersepadu yang merujuk kepada kesepaduan ilmu wahyu dan ilmu pemerolehan yang berpaksikan prinsip tauhid walaupun konsep kesepaduan dan modul operandi setiapnya yang berbeza (Noor Hisham, 2015).

Hasil penelitian yang terperinci, al-Attas sebenarnya telah memberikan sumbangan pemikiran yang cukup bermakna ke atas Institut Pemikiran Islam dan Peradaban Antarabangsa (ISTAC). Al-Attas adalah individu yang bertanggungjawab sepenuhnya membangunkan ISTAC pada tahun 1987 yang juga merupakan pusat pengajian menawarkan program pancasiswazah. ISTAC menawarkan sistem pendidikan bersepadu dalam kerangka konsep Islamisasi ilmu yang digarap oleh pengasas dan pengarah pertamanya sendiri iaitu al-Attas. Untuk melaksanakan konsep tersebut, beliau telah merangka satu kurikulum khas pengajian Islam yang wajib diikuti oleh semua pelajar di institusi tersebut. Beliau menekankan bahawa bahan-bahan pengajaran tidak disusun dalam bentuk fakulti atau jurusan, tetapi ke dalam tiga bahagian besar yang saling berhubungan, iaitu Pemikiran Islam, Sains Islam dan Tamadun Islam (Wan Mohd Nor, 2014).

#### **4.2.6 Era Kemuncak dan kegemilangan pelaksanaan Pendekatan Integratif di IPT**

Menurut Noor Hisham (2015), al-Attas telah berjaya meletakkan ISTAC sebagai institusi pendidikan yang paling jelas mengemukakan makna dan konsep kesepaduan dan Islamisasi ilmu. Semasa di ISTAC, beliau merealisasikan asas yang mantap dari sudut teorinya kepada gagasan Islamisasi ilmu. Fokus ISTAC adalah melahirkan golongan sarjana yang beradab, mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menganalisis secara kritis isu-isu umat Islam komtemporari dan menawarkan solusi yang baik. Program pengajian yang padat dan ketat telah berjaya menghasilkan tesis-tesis penyelidikan yang bermutu tinggi dan jarang dihasilkan oleh pusat pengajian yang lain.

Kewujudan UIAM boleh dianggap sebagai kejayaan Malaysia melahirkan sebuah pusat pengajian tinggi yang diharap dapat memenuhi aspirasi dan cita-cita umat Islam ke arah menyediakan pendidikan Islam peringkat tinggi yang bersepadu. Penubuhan UIAM pada

tahun 1983 adalah natijah dari Persidangan Pendidikan Islam Sedunia Kali Pertama di Mekah pada tahun 1977. Visi penubuhannya ialah untuk menjadi pusat kecemerlangan antarabangsa dalam menyepadukan ilmu pengetahuan dan nilai Islam dalam semua disiplin dan cabang ilmu. Apa yang menarik UIAM ialah tunjang falsafahnya, sememangnya meletakkan konsep kesepaduan dan Islamisasi ilmu sebagai model pendekatan iaitu '*Integration, Islamization, Internationalization and Comprehensive Excellence – IIICE*' (Sidek, 2011).

UIAM menggunakan pendekatan integratif dengan berasaskan konsep *Major* dan *Minor*, *Double Major* dan *Double Degree*. Penawaran pakej dan skop kandungannya bebezanya mengikut keperluan fakulti dan mengalami beberapa perubahan berdasarkan perkembangan universiti. Walaupun dikatakan konsep integrasi UIAM dikaitkan dengan gagasan Islamisasi ilmu yang digarap al-Faruqi, tetapi al-Faruqi sendiri menjelaskan bahawa beliau banyak berbincang dengan al-Attas malah mengakui terpengaruh dengan pandangan al-Attas tentang masalah-masalah umat Islam dan penyelesaiannya serta menganggap al-Attas sebagai '*Bapa Intelektual*' kepada dirinya. Ini terbukti kerana adanya beberapa istilah dan konsep kunci yang dikemukakan melalui tulisan-tulisan al-Faruqi, telah pun digunakan secara konsisten oleh al-Attas sejak awal lagi (Wan Mohd Nor, 2014). Persamaan idea ini, menunjukkan bahawa al-Faruqi telah membaca dan terpengaruh oleh istilah-istilah dan konsep-konsep kunci al-Attas serta implikasinya.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atau dulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah ditubuhkan pada tahun 1997 juga mempunyai konsep kesepaduan dan Islamisasi ilmu yang selari dengan pemikiran al-Attas walaupun konsep dan kaedah pelaksanaan tidak dinyatakan secara jelas. USIM ditubuhkan bertujuan untuk memartabatkan pengajian Islam dan membawanya dalam arus perdana negara. Falsafah USIM iaitu paduan antara ilmu naqli dan ilmu aqli serta budi pekerti mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu adalah berkait rapat dengan pemikiran dua tokoh utama Islamisasi ilmu iaitu al-Attas dan al-Faruqi.

Sebagaimana ISTAC dan UIAM, USIM juga mewajibkan pelajarannya untuk mengambil 'Kursus Teras Pengajian Islam' yang liputannya berbeza-beza berdasarkan pengkhususan yang diambil. Kursus Teras Pengajian Islam USIM berada pada dua komponen iaitu Komponen Wajib Universiti dan Komponen Teras Fakulti. Terdapat empat kursus yang berada di dalam Komponen Wajib Universiti dan diwajibkan kepada semua pelajar iaitu Aqidah Islam, Fiqh Ibadah dan Munakahat, Akhlak dan Tasawwur dan Tamadun Islam dan Asia. Manakala kursus yang ditawarkan dalam Komponen Teras Fakulti adalah pelbagai berdasarkan keperluan fakulti (Noor Hisham, 2015) yang secara jelas mengabungkan kesepaduan dan Islamisasi ilmu dalam setiap mata pelajaran yang ditawarkan.

Perkembangan terbaru menunjukkan terdapat satu lagi institusi penting yang boleh dikaitkan dengan kesinambungan usaha pengislaman ilmu moden sebagaimana yang difahami oleh al-Attas. Institusi tersebut ialah *Centre of Advanced Studies on Islam, Science, and Civilization* (CASIS). CASIS adalah sebuah kecemerlangan akademik yang baru ditubuhkan di bawah pentadbiran Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pusat yang diketuai oleh Prof. Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud yang merupakan mantan Timbalan Pengarah ISTAC pada peringkat awal penubuhannya. Hampir kesemua tenaga akademiknya mempunyai hubungan sejarah dengan ISTAC.

Justeru, adalah tidak menghairankan jika tujuan dan objektif penubuhan CASIS seolah kesinambungan dari usaha yang telah dilakukan oleh al-Attas di ISTAC. Lebih-lebih lagi CASIS meneruskan tradisi '*Saturday Night Lecture*' yang disampaikan sendiri oleh al-Attas yang dianugerahkan sebagai '*Profesor Pelawat Terhormat*' pada tahun 2012 di institusi tersebut (<http://news.utm.my>, 2012). Di samping itu, salah satu dari objektif penubuhan CASIS ialah melahirkan ulama berwibawa yang berupaya mengintegrasikan agama dengan sains dan teknologi untuk membangunkan peradaban berdasarkan pandangan alam tauhid (Noor Hisham, 2015).

Kesimpulannya, pendekatan kesepaduan dan Islamisasi ilmu al-Attas telah memberi kesedaran kepada para mahasiswa, anak didiknya, dan pendokongnya sama ada formal atau tidak formal di seluruh dunia khususnya di ISTAC dan CASIS. Pemikiran beliau banyak memberi manfaat yang menyeluruh dan mengkagumkan kepada kesemua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta pendedahan beliau tentang pelbagai idea dan konsep secara kreatif.

#### **4.3 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025: Suatu Perbandingan Dengan Pemikiran Islamisasi Ilmu Al-Attas**

Perbincangan bahagian ini, hanya melihat dalam dua aspek aspirasi pendidikan negara yang yang dibina di dalam PPPM 2013 -2025 iaitu:

- (i) Aspirasi Sistem Pendidikan Negara (Rajah 1.1)
- (ii) Aspirasi Murid (Rajah 1.2)

Pelaksanaan PPPM 2013-2025 adalah bertujuan memenuhi keperluan semua rakyat dan menyediakan negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa, adalah penting untuk melakarkan wawasan kejayaan sistem pendidikan yang ingin dibangunkan, khusus berdasarkan konteks Malaysia. Generasi murid terbaik yang bagaimanakah ingin dihasilkan untuk berdepan dengan cabaran ekonomi abad ke 21? Jenis pendidikan yang bagaimanakah perlu disediakan untuk mereka hadapi dunia globalisasi yang pantas berubah? Aspirasi ini merangkumi dua aspek yang tersebut di atas iaitu pertama, sistem pendidikan secara keseluruhan, dan kedua, murid secara individu. Visi dan aspirasi ini akan menjadi landasan transformasi sistem pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

##### **4.3.1 Aspirasi Sistem Pendidikan Negara**

Dalam aspirasi sistem pendidikan negara, PPPM 2013 – 2025 berhasrat untuk mencapai lima keberhasilan bagi sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan seperti yang diterangkan melalui Rajah 2. Dalam aspek akses, setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Dari segi kualiti, semua kanak-kanak berpeluang mendapat pendidikan cemerlang berdasarkan keunikan sistem pendidikan di Malaysia, dan setanding dengan sistem pendidikan antarabangsa serta sasaran negara menduduki kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) untuk mata pelajaran Sains dan Matematik dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) untuk bacaan, Matematik dan Sains. Aspirasi ketiga iaitu ekuiti bertujuan menyediakan sistem pendidikan berprestasi tinggi melalui pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak tanpa mengira kedudukan geografi, gender atau latar belakang sosioekonomi. Aspirasi keempat pula perpaduan bertujuan menawarkan pengkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak

dengan menghargai kepelbagaian. Selanjutnya, aspirasi kelima iaitu kecekapan bertujuan memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan yang ada (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Walaupun tidak dinafikan aspirasi PPPM 2013-2025 adalah bertujuan untuk mengharungi pendidikan yang bersifat globalisasi, tetapi adakah ia bercirikan untuk menghasilkan warganegara yang sempurna (*complete citizen*) atau insan yang baik. Bagi al-Attas warganegara yang sempurna belum tentu menjadi insan yang baik tetapi insan yang baik sudah tentu menjadi warganegara yang sempurna. Al-Attas (1993b), melalui bukunya *Islam and Secularism* mengatakan tujuan mencari ilmu adalah untuk menanam kebaikan atau keadilan dalam diri manusia sebagai seorang manusia dan individu, bukan hanya sebagai seorang warganegara ataupun anggota masyarakat.


Apa yang membimbangkan, penerangan kelima-lima aspek (Rajah 2) tidak menzahirkan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang kamil atau kepatuhan dan kepercayaan kepada Tuhan walaupun penerangan di bahagian awal PPPM 2013-2025 menegaskan amat komited dengan Falsafah Pendidikan Negara. Sekiranya diperhalusi secara mendalam, aspirasi ini amat bertentangan dengan konsep kesepaduan dan Islamisasi ilmu yang diinginkan oleh al-Attas. Keseluruhan aspirasi sistem pendidikan PPPM 2013 – 2025 adalah lebih bercorak materialistik, persaingan individu, pencapaian akademik, rasionalisme, dualisme, dan sekularisme yang sememangnya dibimbangi oleh semua pendokong pendidikan integratif.

Jelas sekali, aspirasi ini telah meletakkan ilmu naqli dan ilmu aqli bersifat dikotomi (terpisah) dan bukannya berasaskan pendekatan kesepaduan dan Islamisasi ilmu. Kebimbangan al-Attas (1980), mengenai sistem pendidikan sebelum ini ada asasnya kerana kemasukan ideologi barat dan sekularisme yang cuba memperbaiki hidup dengan cara material, bahawa ilmu itu boleh diuji melalui pengalaman dan fikiran seperti ilmu matematik, fizik dan kimia serta kesejahteraan hidup di dunia tidak perlu dirujuk kepada agama dan wahyu (memadai akal sahaja) seolah-olah menjadi teras dan wadah utama yang cuba dihidupkan semula dengan terbentuknya aspirasi sistem pendidikan negara melalui pelancaran PPPM 2013 – 2025.

Di samping itu, sesuatu yang memeranjatkan, di bawah PPPM 2013 -2025, konsep kesepaduan (KBSR dan KBSM) yang mempunyai kaitan besar dalam Islamisasi ilmu telah berubah dengan pengantian Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang akan disemak semula pada tahun 2017 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Realitinya nanti, adakah ini merupakan aspirasi sistem pendidikan negara yang dianggap terbaik di dunia serta diwar-warkan mengikut acuan pendidikan sendiri atau adakah ini merupakan kekalutan pemikiran pendidikan yang dikatakan oleh al-Attas, Islam pun bukan, sekular pun bukan, merewang-rewang tanpa hala tujuan yang hakiki. Implikasinya kelak, kemungkinan akan terhasilnya suatu sistem pendidikan yang mengelirukan dalam pembinaan modal insan. Sama-samalah kita renungi, muhasabah diri, mengkaji dan meneliti. Jangan sampai kesilapan ini menanah dalam sejarah anak bangsa, agama dan negara kita dalam mengejar antara idealis dan realiti.





Rajah 2: Lima aspirasi sistem pendidikan Malaysia.  
 Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, (2013).

### 4.3.2 Aspirasi Murid

Selain keberhasilan aspirasi sistem pendidikan, PPPM 2013 – 2025 telah membina enam ciri utama aspirasi murid yang dikatakan amat perlu dalam pendidikan berprestasi tinggi bagi membolehkan menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global masa hadapan. Enam ciri-ciri utama tersebut ialah pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional (Lihat Rajah 3).



Rajah 3: Enam Aspirasi Murid.  
 Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, (2013).

Walaupun tidak dinafikan ke enam-enam ciri adalah penting, yang menimbulkan persoalan kenapa aspek etika dan kerohanian hanya diterapkan sebagai suatu elemen yang kecil sahaja dan tidak diintegrasikan atau disepadukan di dalam ciri-ciri pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa dan indentiti nasional? Malahan aspek etika dan kerohanian itu hanya bersifat umum iaitu berhasrat membentuk individu penyayang yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Walaupun dikatakan sejajar dengan falsafah pendidikan, hakikatnya aspirasi murid ini amat jauh dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara dan penerapan nilai-nilai murni dalam KBSR dan KBSM. Lebih jauh lagi aspirasi ini seolah-olah meminggirkan

pendekatan kesepaduan dan Islamisasi ilmu sebagai suatu aspirasi yang bersifat sejagat dan sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan.

Selanjutnya, selain daripada aspirasi sistem pendidikan negara (Rajah 2) dan aspirasi murid (Rajah 3) yang telah dikupas dalam perbincangan ini, penelitian terhadap *Anjakan Ketiga* daripada *Sebelas Anjakan Untuk Transformasi Sistem Pendidikan Negara PPPM 2013 – 2025* iaitu *melahirkan rakyat yang menghayati nilai* memperjelaskan nilai-nilai yang diterapkan hanya meliputi tiga kategori iaitu :

- (i) Mengukuhkan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dengan lebih tumpuan kepada perpaduan dan memupuk persefahaman yang erat di antara murid
- (ii) Membangunkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan penyertaan murid dalam 1Sukan, 1Kelab, dan 1Badan Beruniform
- (iii) Mengukuhkan dan memperluaskan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) mulai 2016 untuk memudah cara interaksi antara jenis sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013)

Rumusan yang boleh diterjemahkan secara tersirat dan tersuratnya, menunjukkan ciri etika dan kerohanian sebagai tempelan sahaja, yang jauh bertentangan dengan konsep ketauhidan atau Islamisasi ilmu yang dizahirkan melalui pemikiran al-Attas maupun tokoh pendidikan integratif yang lain. Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam *Anjakan Ketiga* iaitu menghayati nilai telah berubah arah daripada kesepaduan fardu ain dan fardhu kifayah tetapi lebih berfokus kepada perpaduan dan memupuk persefahaman yang erat antara murid pelbagai bangsa dan agama. Ini membuktikan terdapatnya dikotomi atau dualisme iaitu pemisahan antara ilmu agama dan ilmu akademik (Zuraidah, 2015) serta wujudnya pemupukan budaya liberalisme dan rasionalisme.

Kenyataan ini, menunjukkan pengaruh sekularisme atau pendidikan barat masih lagi menunjangi sistem pendidikan negara terutamanya dalam mendepani dunia yang bersifat globalisasi iaitu dari segi perbezaan agama, ideologi, budaya, masyarakat dan negara. Apa yang lebih membimbangkan ialah pembangunan insan secara *'high tech'* atau teknologi tinggi tanpa diimbangi dengan pembangunan *'high touch'* atau sentuhan keinsanan akan meletakkan kembali manusia sebagai haiwan sebagaimana yang diterjemahkan dalam prinsip ilmu sekularisme Barat dan bukannya insan baik (insan adabi) sebagaimana yang dilontarkan oleh al-Attas.

## 5. KESIMPULAN

Perbincangan yang telah dikemukakan berjaya meletakkan al-Attas sebagai tokoh Muslim terulung mempelopori pendekatan integrasi dan Islamisasi ilmu yang cukup signifikan ke atas pembaharuan dan kebangkitan kepada gerakan Islam di Malaysia, rantau nusantara dan antarabangsa. Antara kewibawaan beliau ialah memberi sumbangan yang besar dalam pendekatan kesepaduan dan Islamisasi ilmu dalam sistem pendidikan negara sama ada dalam peringkat pendidikan awal hinggalah institusi pendidikan tinggi.

Walaupun beliau tidak pernah mendakwa gasasan Islamisasi ilmu merupakan idea pemikirannya tetapi tokoh-tokoh sarjana pendidikan dan orientalis mengakui al-Attas merupakan pendokong Muslim pertama yang mencetus gerakan kesepaduan dan Islamisasi ilmu. Beliau tidak hanya mengemuka idea dan pemikiran di atas kertas sahaja, tetapi berusaha mewujudkan dan melaksanakan idea dan pemikiran dalam bentuk nyata iaitu

merealisasikan kurikulum yang bersepadu antara ilmu fadhu ain dan ilmu fardhu kifayah yang seimbang dalam institusi pendidikan khususnya di ISTAC.

Walaupun bagaimanapun, pendekatan kesepaduan dan Islamisasi ilmu yang didokong oleh al-Attas dan pendokong-pendokong integratif yang lain tetap mengalami cabaran dalam menghadapi era globalisasi pendidikan yang bersifat terbuka terutamanya dengan pelancaran PPPM 2013 - 2025 dan gerakan-gerakan de-Islamisasi yang amat *Islamofobia* dengan istilah muslim dan Islam.

## 6. RUJUKAN

- Abdul Halim Tamuri. (2009). Sistem Pendidikan Islam Di sekolah: Satu Penilaian. *Kongres Pertama Sistem Pendidikan Islam Negara*. Shah Alam: Gabungan Mahasiswa Islam Malaysia. 11 Julai.
- Ahmad Bazli Shafiee. (1998). The Educational Philosophy of Al Syaikh Muhammad Abduh. *Tesis Sarjana Sastera, ISTAC*. Kuala Lumpur. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Aizan Ali Mat Zin. (2009). Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Analytical Study of His Life, Intellectual Thoughts and Practical Contributions to Islam In Malaysia. *Ph. D Thesis*. Lampeter, United Kingdom: University of Wales.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2010). Dewesternisasi Ilmu. *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu*. 1:2, 3-20.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1993). *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*. Kuala Lumpur: Institut Pemikiran Islam dan Peradaban Antarabangsa (ISTAC).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1993b). *Islam and Sekularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. (1989). *Islamization of Knowledge: General Principal and Work Pelan*. Herndon Virginia: The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Al-Zarnuji. (1986). Burhan al-Islam, Kitab Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum. Muhammad 'Abd al-Qadir Ahmad (ed.). Qahirah: Matba'ah al-Sa'adah.
- Amien Rais. (1985). *Tugas Cendekiawan Muslim*. Yogyakarta: Salahuddin Press.
- Charles Issawi. (1962). *Filsafat Islam Tentang Sejarah*. Jakarta: Tinta Emas.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2003). *Mohammad Natsir: Pendidik Ummah*. Bangi: Univeristi Kebangsaan Malaysia.
- Hasan Langgung. (2003). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna Baru.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. (1990). *Pemikiran Al-Ghazali Tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam Barnadib. (1982). *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB – IKIP.
- Kamus Dewan*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Kamal Hassan. (1979). Penyerapan Unsur Islam Melalui Sistem Pendidikan Negara. *Seminar Pengajian Islam Maktab-maktab Pengurusan Malaysia, 9 – 12 Julai 1979*. Petaling Jaya: Maktab Pengurusan Islam.
- Mok Soon Sang. (2010). *Falsafah Pendidikan, Kurikulum dan Profesionalisme Keguruan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Berhad.
- Mustaffa Abdullah. (2004). Beberapa Aspek Pembaharuan Muhammad Rashid Rida dan Sumbangannya Dalam Pemikiran Ummah. Dalam *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Nik Azis Nik Pa (1999). *Kesepaduan Dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noor Hisham Md Nawi. (2015). *Perjuangan Pendidikan: Dari Kesepaduan Ke Islamisasi*. Pengkalan Chepa: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Osman Bakar. (1992). *Classification of Knowledge in Islam*. Kuala Lumpur: Institute For Policy Research.
- Rahimah Embong. (2012). Konsep Kurikulum Bersepadu dan Pelaksanaannya di Institusi Pendidikan Islam Masa Kini: Tinjauan Semula. [http://i-epistemology.net/attachment/1135\\_jp-v13n1](http://i-epistemology.net/attachment/1135_jp-v13n1). 12 Mei.
- Ratna Roshida Abd.Razak & Mohd Syariefudin Abdullah. (2009). *Ibn Khaldun: Pemikiran dan Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia
- Rosnani Hashim. (1998). Islamization of Curriculum As An Effort To Meet The Educational Challenges. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Islamisasi Pendidikan: Menangani Cabaran*. Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 14 – 16 Julai.
- Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Berhad.
- Sidek Baba. (2011). *Tajdid ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn. Berhad.
- Sidek Baba. (2016, April 15). Dualisme dalam Ilmu. *Sinar Harian*. Hal. 22.
- Tajul Ariffin & Abdul Rahman Kurais. (1987). KBSM dari Pandangan Kita. *Jurnal Pendidikan Islam*. 2 (6) : 44 – 73.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1994). *Konsep Ilmu Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2014). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Wirna Khusnul Urifah. (2010). Konsep Islamisasi Ilmu Pengetahuan Menurut Syed Naquib al-Attas dan Ismail Al-Faruqi (Studi Perbandingan). *Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam*. Surabaya: IAIN.
- Zuraidah Othman. (2015). Pendidikan Islam Integratif: Kajian Terhadap Pendekatan Sidek Baba. *Tesis Ph. D*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.